



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
— M A L A Y S I A —

SIARAN MEDIA

LAWATAN KERJA RASMI
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI
PERLADANGAN DAN KOMODITI
KE LEMBAGA KOKO MALAYSIA, KOTA KINABALU, SABAH

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Fadillah Haji Yusof mengadakan lawatan kerja rasmi di Lembaga Koko Malaysia, Kota Kinabalu, Sabah. Dalam pada itu, beliau turut menghadiri Majlis Apresiasi Lembaga Koko Malaysia (LKM) 2023 dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Seramai 36 orang kakitangan dari pejabat wilayah pantai barat Sabah LKM, menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khidmat Bakti dan bakal pesara tahun 2023 dan 2024 diberikan penghargaan. YAB Dato' Sri Fadillah Haji Yusof menyaksikan pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi LKM dan acara menandatangani Memorandum Persefahaman antara LKM dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

Kerjasama strategik dengan ANGKASA akan menyediakan keperluan seperti mengenal pasti koperasi dan mengerakkan model latihan bagi menyokong aktiviti koperasi kluster koko. Kerjasama ini telah bermula pada tahun 2021 apabila pihak ANGKASA telah memberikan dana sebanyak RM150 ribu untuk pembinaan dua mini pemprosesan koko di Sabah dan satu di Sarawak yang telah siap pada tahun 2022 dan telah diguna pakai oleh petani koko.

YAB Dato' Sri Fadillah Haji Yusof turut diberi taklimat mengenai status industri koko. Pada tahun 2022, koko menyumbang sebanyak RM7.82 bilion perolehan eksport negara iaitu meningkat berbanding RM6.87 bilion pada tahun 2021. Pada tahun ini (2023), sasaran perolehan eksport adalah RM 8 bilion. Bagi pasaran domestik, seramai 242 usahawan telah mendaftar sebagai usahawan bimbingan LKM. Pada tahun 2022 jumlah pengeluaran adalah sebanyak 103 tan produk coklat bernilai RM6.8 juta.

Di sektor hulu koko, LKM melaksanakan pengeluaran biji koko premium dan tunggal asli (*single origin*) yang dijual dengan harga yang lebih tinggi berbanding biji koko pukal (*bulk beans*). Aktiviti pembangunan dan peningkatan pendapatan petani disokong oleh aktiviti koperasi kluster koko di tiga wilayah iaitu di Sarawak, Sabah dan Semenanjung. Kluster koko menjalankan perniagaan di sepanjang rantai koko daripada bahan mentah kepada juadah (*farm-to-table*) dan keuntungan akan diagihkan kepada anggota yang kebanyakannya adalah petani koko.

Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, YB Datuk Hajah Siti Aminah Aching, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik dan Pengurusan), YBrs. Abdul Hadi Omar, Pengerusi Pengelola Lembaga Koko Malaysia, YB Datuk Matbali Musin dan Ketua Pengarah LKM, YBrs. Dr. Ramle Hj. Kasin.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
15 MEI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Perladangan dan Komoditi



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my